



Rujukan Kami : PPD.HIP.100-9/1/7 ( 16 )  
Tarikh : 8 Ogos 2018  
26 Zulkaedah 1439

Semua Pengetua dan Guru Besar,  
Sekolah Menengah dan Rendah Daerah Hilir Perak.

Tuan,

**PELAKSANAAN INTERVENSI BAGI MENINGKATKAN PELIBATAN IBU BAPA DAN KOMUNITI DALAM EKOSISTEM SEKOLAH (PIBK)**

Dengan segala hormatnya, perkara di atas dirujuk untuk perhatian tuan.

2. Selaras dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) seperti yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, Inisiatif #62 : Peluasan Pelaksanaan Pelibatan Ibu Bapa dan Komuniti dalam Ekosistem Sekolah (PIBK) menjadi salah satu agenda penting untuk mentransformasi sistem pendidikan negara.

3. Sehubungan itu, pelaksanaan intervensi bagi meningkatkan kesedaran dan kesediaan ibu bapa untuk hadir dan melibatkan diri dalam program-program utama perlu dibuat diperingkat sekolah. Bersama surat ini disertakan templat untuk dilengkapkan oleh pihak tuan dan perlu dihantar satu salinan ke Pejabat Pendidikan Daerah Hilir Perak **sebelum atau pada 10 September 2018**.

4. Sebarang pertanyaan, sila hubungi Encik Mohd Norhaffiz bin Noor Aini, Penolong PPD Perhubungan di talian 013-6260745 atau 05-6221970 sambungan 160. Kerjasama dan perhatian pihak tuan dalam hal ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian dimaklumkan.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(HJ. MOHAMED SHAFIE BIN ABD KARIM, PPT)**  
Pegawai Pendidikan Daerah Hilir Perak

MSAK/hffz